

13 DEC 2002

Mahathir-Jepun/I

JANGAN ADA PERSEPSI NEGATIF TERHADAP ORANG ISLAM - DR MAHATHIR

Oleh: Harlina Samson

TOKYO, 13 Dis (Bernama) -- Berikutan Jepun menikmati hubungan baik dengan negara-negara kuasa besar, terutamanya Amerika Syarikat, ia boleh memainkan peranan dalam membetulkan persepsi negatif terhadap orang Islam dan agama Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata Jepun juga mempunyai peranan yang baik dalam membetulkan ketidakseimbangan di dunia, meredakan kemarahan orang Islam dan orang bukan Islam dan memujuk sekutu mereka dalam menyelesaikan masalah penindasan ke atas orang Islam.

Beliau berkata pada masa ini Jepun tidak menjadi sasaran serangan pengganas.

"Apa yang kita harapkan dari Jepun ialah keseimbangan. Anda tidak berkelahi dengan orang Arab, anda tidak berkelahi dengan Yahudi, anda tidak berkelahi dengan sesiapa pun tetapi anda perlu bersikap rasional dan memikirkan kenapa perkara ini berlaku," katanya kepada peserta simposium mengenai Islam bertajuk "Islam: Memupuk Keamanan dan Dialog Dalam Dunia Yang Saling Bergantung" di Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di sini.

Beliau ditanya semasa sesi dialog mengenai apakah yang beliau harapkan dari Jepun dan peranan yang negara itu dapat mainkan dalam memerangi keganasan dan menggalakkan dialog antara orang Islam dan orang bukan Islam kerana negara itu mempunyai keperibadian, budaya dan kepercayaan sendiri.

Pelbagai soalan dikemukakan kepada Dr Mahathir daripada peserta Jepun yang amat berminat dengan pandangan beliau mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa, Islam, keganasan dan tamadun.

Perdana Menteri percaya setiap tindakan yang diambil mempunyai sebab tersendiri dan perkara itu adalah benar kerana orang Arab bukannya pengganas sebelum ini.

Beliau berkata orang Arab, yang bukannya pengganas sebelum ini, pada hari ini bersedia untuk melakukan tindakan berani mati dalam perjuangan menentang orang Israel atau Amerika, kerana mereka berpendapat orang Amerika, Yahudi dan Eropah tidak berlaku adil terhadap mereka.

"Jadi, sekiranya Jepun dapat memujuk rakan-rakan anda di Eropah dan di Amerika, ianya amat baik. Anda mungkin meningkatkan keselamatan anda, anda boleh meningkatkan pertahanan anda tetapi itu bukan jawapan muktamad. Anda perlu melakukan itu semua tetapi pada masa yang sama anda juga perlu menyelesaikan masalah penindasan terhadap orang Islam," katanya.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata dunia telah berkembang dengan lebih cepat daripada kemajuan tamadaun.

"Sains telah membawa kita jauh ke depan...keupayaan-keupayaan baru untuk melakukan banyak perkara baik serta perkara buruk tetapi kita secara relatifnya masih belum bertamadun," katanya.

Kemajuan kemanusiaan tidak seiring dengan keupayaan saintifik manusia dan kerana itu terdapat kecenderungan bagi yang kuat untuk menggunakan kekuatan mereka dan majoriti untuk mendominasi.

Dr Mahathir memberikan satu contoh dan merujuk kepada tindakan Perdana Menteri Australia John Howard yang mahu mengubah undang-undang antarabangsa untuk membenarkan serangan terlebih dahulu dilancarkan ke atas negara-negara lain.

"Sekiranya Australia mengesyaki ada orang di Malaysia merancang untuk menyerang Australia dengan itu negara itu berhak mengambil tindakan di Malaysia... dengan alasan tiada negara akan berasa selamat," katanya.

Ini menunjukkan bahawa pemikiran itu tidak seiring dengan keupayaan dan dengan keupayaan baru dalam melakukan pembunuhan, seseorang itu tidak perlu mendekati seseorang itu untuk melepaskan tembakan tetapi dengan hanya menggunakan peluru berpandu atau pesawat yang boleh terbang sendiri tanpa juruterbang.

"Itu adalah keupayaan anda tetapi dimanakah nilai moral anda. Sekiranya anda melakukan perkara sedemikian, ketamadunan anda tidak seiring dengan keupayaan anda. Sebab itu kenapa pada hari ini anda lihat sebuah dunia yang begitu tidak adil," katanya.

-- BERNAMA

HS HS AAM RHM